

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/ April 1992

ZSE 370/2 - Meteorologi II

Masa : (2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab KESEMUA EMPAT soalan.

Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Secara ringkas bincangkan pembentukan ozon atmosfera dan peranan-peranan iklim dan antropogeniknya yang penting. (60/100)
(b) Aktiviti-aktiviti seperti pengangkutan supersonik, semburan freon dan baja-baja 'nitrogen' boleh menyebabkan kesan-kesan kajihayat dan iklim yang buruk. Bincangkan. (40/100)
2. Bincangkan bagaimana keadaan meteorologi dan jenis (konfigurasi) sumber pencemaran mempengaruhi keupayaan pencemaran udara bagi sesuatu tempat. (100/100)
3. Jelaskan prinsip-prinsip pembentukan hujan tiruan dan senaraikan agen-agen utama yang digunakan. Juga bincangkan teknik-teknik untuk menilaikan keputusannya. (100/100)
4. Tuliskan nota-nota ringkas tentang mana-mana dua daripada yang berikut:
 - (a) Pengukuran suhu udara permukaan. (50/100)
 - (b) Jisim-jisim udara dan depan udara. (50/100)
 - (c) Taburan-taburan cas (charge) di dalam awan-awan guruh. (50/100)

- oooOooo -